

## UMS bakal setanding dengan universiti lain

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) kini, bersedia menghadapi cabaran menjelang abad ke-21 dengan menawarkan pelbagai bidang ilmu setanding dengan universiti-universiti lain.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Abu Hassan Othman berkata, penubuhan universiti tersebut seiring dengan pembangunan dan kemajuan dalam bidang keilmuan di negara ini untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelajar yang berkelayakan.

Katanya, pengambilan 500 orang pelajar yang akan ditempatkan di Pusat Latihan Telekom di Menggatal pada tahun ini membuktikan kesungguhan institusi tersebut merealisasikan wawasan negara untuk melahirkan lebih ramai masyarakat berilmu.

"Walaupun kampus tetap universiti ini hanya akan dapat digunakan pada tahun 1998, UMS begitu bertuah kerana Yayasan Sabah sudi memberi ruang untuk kita menggunakan seba-

hagian daripada kampus Kolej Komunitinya.

"Insya-Allah, pada konvokesyen pertama yang akan diadakan pada tahun 1999 nanti, UMS akan mampu menghasilkan lulusan sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah sekaligus," ujarinya pada majlis ucapan makan tengah hari anjuran Yayasan Sabah, di Kota Kinabalu, semalam.

Menurutnya, UMS akan memberi tumpuan khusus kepada bidang pe-

ngajian sains bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk menghasilkan lebih ramai graduan sains sebagai tenaga profesional untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian.

Beliau berkata, UMS menetapkan sasaran sebanyak 5 ribu pelajar menjelang tahun 2000 nanti dengan 60 peratus daripadanya ialah pelajar sains dan selebihnya daripada aliran sastera termasuk bidang pengurusan.

"UMS turut menawarkan kursus matrikulasi selama empat semester kepada pelajar bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam bidang pendidikan di peringkat tinggi.

"Pelajar-pelajar matrikulasi ini boleh menamatkan kursus mereka selama dua semester sahaja sekiranya terdaya dan seterusnya menyambung pengajian mereka di peringkat ijazah sarjana muda pula," tambah beliau.

Beliau turut memberi jaminan bahawa semua pelajar lulusan UMS akan mampu bersaing secara sihat dan tidak akan menghadapi masalah setelah bekerja nanti.

Sehubungan itu, UMS akan memastikan setiap pelajar dibekalkan dengan ilmu yang benar-benar bermanfaat untuk digunakan demi kepentingan dan kemajuan masyarakat keseluruhannya. — WAN NORAZAH WAN CHIK.

19 Julai 1996.